

**Embargo Sehingga Jam 1200,  
Rabu, 6 April 2016**

## **PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA**

### **PRESTASI PERDAGANGAN LUAR BAGI BULAN FEBRUARI 2016 DAN TEMPOH JANUARI - FEBRUARI 2016 #**

#### ***Eksport Februari Meningkat 6.7%***

Pada **Februari 2016**, pertumbuhan eksport Malaysia kembali positif dengan mencatatkan peningkatan 6.7% atau RM3.55 bilion kepada RM56.72 bilion, setelah merekodkan pertumbuhan negatif 2.8%, perbandingan tahun ke tahun pada Januari 2016. Import meningkat 1.6% kepada RM49.37 bilion berbanding RM48.61 bilion yang dicatatkan pada Februari 2015.

**Lebih dagangan** berkembang kepada RM7.35 bilion pada Februari 2016 berbanding RM5.39 bilion yang dicatatkan pada bulan sebelumnya dan merupakan lebih dagangan yang ke-220 bulan berturut-turut dicatatkan sejak November 1997.

**Jumlah perdagangan** naik 4.2% kepada RM106.09 bilion berbanding Februari 2015. Peningkatan perdagangan direkodkan dengan Amerika Syarikat (AS) yang naik sebanyak RM2.21 bilion, ASEAN (↑RM1.9 bilion), China (↑RM829.6 juta), Republik Korea (ROK) (↑RM637.3 juta), Kesatuan Eropah (EU) (↑RM447.7 juta), Hong Kong (↑RM433.3 juta) dan Turki (↑RM320 juta).

Pada tempoh **dua bulan pertama tahun 2016**, **jumlah perdagangan** meningkat 2% kepada RM224.4 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2015. **Eksport** berkembang 1.5% kepada RM118.57 bilion manakala **import** naik 2.5% kepada RM105.83 bilion, menghasilkan **lebih dagangan** sebanyak RM12.74 bilion.

## **Prestasi Eksport Sektor Utama**

### ***Barangan Perkilangan Mencatatkan Pertumbuhan Dua Digit***

Secara keseluruhan, peningkatan eksport dicatatkan bagi barangan perkilangan dan keluaran pertanian pada **Februari 2016**. Eksport hasil galian walau bagaimanapun, mengurang.

Eksport **barangan perkilangan** meningkat 11.5% atau RM4.77 bilion kepada RM46.22 bilion. Kenaikan eksport telah dicatatkan bagi kesemua subsektor barangan perkilangan kecuali keluaran petroleum serta barangan besi dan keluli. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh kenaikan eksport barangan elektrik dan elektronik (E&E) terutamanya alat ganti dan aksesori bagi mesin pejabat serta semikonduktor fotosensitif. Barangan perkilangan lain yang turut mencatatkan peningkatan ketara adalah barangan perkilangan logam, jentera, perkakasan dan peralatan, kimia dan bahan kimia, kelengkapan pengangkutan serta barangan optik dan saintifik.

Eksport **keluaran pertanian** pada **Februari 2016** berkembang 7.9% kepada RM4.49 bilion, disumbangkan terutamanya oleh peningkatan eksport minyak sawit dan keluaran berasaskan sawit yang berkembang 6.6% atau RM181.4 juta kepada RM2.93 bilion. Eksport minyak sawit pada Februari 2016 bernilai RM2.47 bilion, meningkat 4.4% atau RM104 juta disumbangkan terutamanya oleh peningkatan kuantiti eksport.

Eksport **hasil galian** menyusut 21.7% kepada RM5.64 bilion disebabkan terutamanya oleh penurunan eksport gas asli cecair (LNG) dan petroleum mentah berikutan penurunan nilai unit purata (AUV).

**Barangan eksport utama** pada Februari 2016 adalah seperti berikut:

- Barangan E&E bernilai RM20.08 bilion, menyumbang 35.4% kepada jumlah eksport, meningkat 8.9% berbanding Februari 2015;

- Kimia dan bahan kimia (RM4.3 bilion), 7.6% daripada jumlah eksport, meningkat 11.7%;
- Keluaran petroleum (RM3.45 bilion), 6.1% daripada jumlah eksport, menurun 18.4%;
- LNG (RM3.22 bilion), 5.7% daripada jumlah eksport, menurun 34%; dan
- Jentera, perkakasan dan peralatan (RM2.95 bilion), 5.2% daripada jumlah eksport, meningkat 30.2%.

Pada tempoh **Januari hingga Februari 2016**, eksport barangan perkilangan meningkat 7.5% kepada RM96.81 bilion. Eksport keluaran pertanian bernilai RM9.76 bilion, meningkat 6.7%. Eksport hasil galian berjumlah RM11.26 bilion, menurun 32.6%.

### **Prestasi Pasaran Utama**

#### ***Perdagangan dengan ASEAN meningkat RM1.9 bilion***

Pada **Februari 2016**, eksport ke **ASEAN** berkembang 9.7% kepada RM16.08 bilion, menyumbang 28.4% kepada jumlah eksport Malaysia. Peningkatan ini adalah berikutan kenaikan eksport barangan E&E (litar bersepadu elektronik), jentera, perkakasan dan peralatan (alat ganti bagi peralatan kejuruteraan awam dan kontraktor), barangan perkilangan logam (aluminium bukan aloi), kimia dan bahan kimia (plastik dalam bentuk primer) dan barangan makanan diproses. **Import** dari ASEAN meningkat 4% kepada RM12.6 bilion manakala **perdagangan** dengan ASEAN naik 7.1% kepada RM28.68 bilion.

Pecahan **eksport ke negara ASEAN** adalah seperti berikut:

- |             |                                       |
|-------------|---------------------------------------|
| • Singapura | RM 7.94 bilion, <b>meningkat</b> 1.5% |
| • Thailand  | RM 3.28 bilion, ↑8.0%                 |
| • Indonesia | RM 2.02 bilion, ↑26.3%                |
| • Viet Nam  | RM 1.27 bilion, ↑29.8%                |
| • Filipina  | RM 1.09 bilion, ↑30.6%                |
| • Myanmar   | RM 265.2 juta, ↑48.8%                 |
| • Brunei    | RM 138.4 juta, ↓7.2%                  |

- Kemboja RM 62.8 juta, ↑15.7%
- Lao PDR RM 4.9 juta, ↑20.3%

Eksport ke **Singapura** meningkat RM118.3 juta disumbangkan oleh kenaikan eksport barangan E&E (litar bersepadu elektronik) serta jentera, perkakasan dan peralatan. Eksport ke **Thailand** meningkat sebanyak RM243.2 juta, disokong oleh kenaikan eksport barangan E&E (unit penstoran bagi komputer) serta barangan perkilangan logam.

Eksport ke **Indonesia** meningkat RM421.7 juta, disumbangkan terutamanya oleh kenaikan eksport keluaran petroleum, petroleum mentah serta kimia dan bahan kimia. Eksport ke **Viet Nam** meningkat sebanyak RM291.3 juta dengan kenaikan eksport dicatatkan bagi keluaran petroleum, kimia dan bahan kimia serta barangan perkilangan logam, manakala peningkatan eksport ke **Filipina** sebanyak RM256.8 juta disumbang oleh kenaikan eksport keluaran petroleum, petroleum mentah serta barangan E&E.

Pada tempoh **dua bulan pertama tahun 2016**, **perdagangan** dengan ASEAN meningkat 6% kepada RM61.53 bilion berbanding tempoh yang sama pada 2015, menyumbang 27.4% kepada jumlah perdagangan Malaysia. **Eksport** meningkat sebanyak 7% kepada RM34.46 bilion manakala **import** meningkat 4.8% kepada RM27.07 bilion.

#### ***Pertumbuhan Eksport ke AS Kukuh***

**Perdagangan** dengan **AS** berkembang 26.1% kepada RM10.66 bilion, dengan **eksport** bernilai RM5.93 bilion dan **import** berjumlah RM4.73 bilion. Eksport dan import masing-masing mencatatkan pertumbuhan sebanyak 21% dan 33.1%. Prestasi eksport yang kukuh ke AS disumbangkan terutamanya oleh barangan E&E khususnya, semikonduktor fotosensitif. Barangan lain yang turut menyumbang kepada peningkatan eksport ke AS ialah barangan perkilangan logam (aluminium bukan aloi), minyak sawit dan keluaran berasaskan sawit, kelengkapan pesawat dan perabot.

Bagi tempoh **Januari hingga Februari 2016**, **perdagangan** dengan AS meningkat 15.8% kepada RM21.45 bilion. **Eksport** naik 13.9% kepada RM12.26 bilion manakala **import** berkembang 18.6% kepada RM9.19 bilion.

### ***Pertumbuhan Eksport Dua Digit Dicatatkan ke China***

Pada **Februari 2016**, **eksport** ke **China** meningkat 12% kepada RM6.49 bilion disumbang oleh kenaikan ketara eksport barangan perkilangan logam, bijih logam, kimia dan bahan kimia serta barangan optik dan saintifik.

**Import** dari China bernilai RM8.87 bilion, meningkat 1.5% berbanding Februari 2015. **Perdagangan** dengan China berkembang 5.7% kepada RM15.35 bilion.

Pada tempoh **dua bulan pertama tahun 2016**, **perdagangan** dengan China mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.2% kepada RM33.55 bilion. **Eksport** meningkat 6.2% kepada RM13 bilion manakala **import** meningkat 4.6% kepada RM20.56 bilion.

### ***Eksport ke EU Meningkat 11.3%***

**Eksport** ke **EU** berkembang 11.3% kepada RM6.04 bilion pada **Februari 2016**. Di antara 10 pasaran utama EU, pertumbuhan eksport telah dicatatkan ke Jerman, United Kingdom, Perancis, Itali, Belgium, Greece, Sweden, Sepanyol dan Republik Czech.

Dari segi barangan, kenaikan eksport ke EU telah disumbangkan oleh barangan E&E (litar bersepadu elektronik), barangan optik dan saintifik (kelengkapan dan alatan yang digunakan dalam perubatan, pembedahan, pergigian atau veterinar), pakaian, kimia dan bahan kimia (alkohol, fenol dan terbitannya serta biodiesel) serta jentera, perkakasan dan peralatan (penghawa dingin). Import dari EU menyusut 3% kepada RM5.39 bilion. Perdagangan dengan EU meningkat 4.1% kepada RM11.42 bilion.

**Perdagangan** dengan EU dalam tempoh **dua bulan pertama tahun 2016** meningkat 1.3% kepada RM23.15 bilion dengan pertumbuhan **eksport** sebanyak 8.7% manakala **import** menurun 6.3% kepada RM10.55 bilion.

#### ***Eksport ke Jepun Mengurang 20.6%***

**Perdagangan** dengan **Jepun** pada **Februari 2016** bernilai RM10.1 bilion, menurun 9.6%. **Eksport** berjumlah RM5.6 bilion manakala **import** meningkat 9.4% kepada RM4.5 bilion. Eksport ke Jepun yang menyusut sebanyak 20.6% adalah disebabkan oleh penurunan eksport LNG, keluaran petroleum, barangan perkilangan logam serta barangan optik dan saintifik. Namun begitu, kenaikan eksport telah dicatatkan bagi barangan E&E (litar bersepadu elektronik), jentera, perkakasan dan peralatan, barangan makanan diproses, tekstil, barangan galian bukan logam, barangan besi dan keluli, barangan perkilangan plastik, kelengkapan pengangkutan, bijih logam, barangan kayu, petroleum mentah serta kimia dan bahan kimia. Barangan ini secara kolektif berjumlah RM2.68 bilion atau 47.7% daripada eksport Malaysia ke Jepun.

Dalam tempoh **dua bulan pertama tahun 2016**, perdagangan dengan Jepun berjumlah RM19.76 bilion dengan **eksport** dan **import** masing-masing bernilai sebanyak RM11.12 bilion dan RM8.65 bilion.

#### ***Perdagangan dengan Rakan Dagang FTA***

Pada **Februari 2016**, **jumlah perdagangan** dengan rakan dagang di bawah **Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA)** meningkat 2.4% kepada RM66.03 bilion. **Eksport** naik 2.7% kepada RM35.44 bilion dan **import** berkembang 2.1% kepada RM30.58 bilion. Kenaikan eksport telah direkodkan ke China, ROK, Indonesia, Turki, Viet Nam, Filipina, Thailand, Singapura, Myanmar, Kemboja dan Laos. Eksport ke **ROK** meningkat 23.9% kepada RM2.21 bilion disumbang terutamanya oleh kenaikan eksport LNG, barangan E&E serta kimia dan bahan kimia. Eksport ke **Turki** melonjak sebanyak 186.3% kepada RM456.4 juta berikutan kenaikan eksport minyak sawit dan keluaran berasaskan sawit, kimia dan bahan kimia serta barangan perkilangan logam.

Pada tempoh **dua bulan pertama tahun 2016**, perdagangan dengan **rakan dagang FTA** berjumlah RM140.9 bilion, merangkumi 62.8% daripada jumlah perdagangan Malaysia. **Eksport** ke negara rakan dagang FTA berjumlah RM73.87 bilion manakala **import**, RM67.03 bilion.

### **Import**

Jumlah import pada **Februari 2016** meningkat 1.6% daripada RM48.61 bilion kepada RM49.37 bilion. **Tiga kategori utama** import mengikut penggunaan akhir adalah:

- **Barang pengantara**, bernilai RM27.42 bilion atau 55.5% **syer** daripada jumlah import, **mengurang** 6.6%, disebabkan terutamanya oleh penurunan import keluaran petroleum;
- **Barang modal** (RM7 bilion, 14.2% syer, naik 1.7%), disebabkan terutamanya oleh kenaikan import peralatan telekomunikasi telefon selular; dan
- **Barang penggunaan** (RM4.6 bilion, 9.3% syer, naik 17.9%) berikutan kenaikan import barangan makanan.

Pada tempoh **Januari-Februari 2016**, import meningkat 2.5% kepada RM105.83 bilion. **Tiga kategori utama** import mengikut penggunaan akhir adalah barang pengantara yang bernilai RM62.16 bilion, barang modal (RM14.1 bilion) dan barang penggunaan (RM10.44 bilion).

**Nota:**

*Perlu diambil perhatian bahawa dari segi konsep, angka eksport dan import dalam perangkaan perdagangan luar negeri adalah berbeza daripada apa yang terdapat dalam akaun barangan untuk perhitungan imbalan pembayaran. Penyusunan perangkaan perdagangan antarabangsa biasanya dibuat berdasarkan rekod kastam yang mencerminkan pergerakan barangan fizikal dari satu sempadan ke sempadan yang lain, dan mengikut garis panduan antarabangsa mengenai konsep-konsep dan definisi-definisi yang tidak selaras sepenuhnya dengan prinsip-prinsip Sistem Akaun Negara (SNA) dan perhitungan Imbalan Pembayaran (BOP). Dalam SNA, barangan didefinisikan sebagai "barangan fizikal yang ada permintaan dan di mana hak milik boleh dikenal pasti serta hak miliknya boleh dipindahkan dari satu institusi ke institusi lain melalui pasaran".*

*Ini adalah keluaran awalan, keterangan terperinci akan diterbitkan dalam laporan "PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN" yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, untuk kegunaan umum pada **jam 1200, Khamis, 7 April 2016**.*

+ *Laporan ini boleh diakses daripada Laman Web Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (<http://www.miti.gov.my>) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (<http://www.matrade.gov.my>).*

# *Data bulan Februari 2016 adalah provisional dan tertakluk kepada semakan/pindaan dalam keluaran berikutnya.*

*Mulai bulan rujukan September 2015, terdapat perubahan kecil pada pemilihan kod bagi eksport dan import bagi barangan/komoditi utama dan terpilih.*



**JADUAL 1: RINGKASAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA**

Tahun/ Tempoh	<u>Jumlah</u> <u>Eksport</u> (RM Juta)	<u>Jumlah</u> <u>Import</u> (RM Juta)	<u>Imbangan</u> <u>Perdagangan</u> (RM Juta)	<u>Jumlah</u> <u>Perdagangan</u> (RM Juta)
<b>2015<sup>P</sup></b>				
Januari	63,604.8	54,647.7	8,957.1	118,252.5
<b>Februari</b>	<b>53,168.7</b>	<b>48,613.6</b>	<b>4,555.1</b>	<b>101,782.3</b>
Mac	66,466.4	58,644.6	7,821.8	125,111.1
April	60,381.7	53,516.6	6,865.1	113,898.3
Mei	60,453.9	54,941.0	5,512.9	115,395.0
Jun	64,258.4	56,280.1	7,978.3	120,538.5
Julai	63,216.7	60,850.3	2,366.3	124,067.0
Ogos	66,499.0	56,336.9	10,162.1	122,835.9
September	70,161.3	60,470.9	9,690.4	130,632.2
Oktober	75,810.2	63,645.6	12,164.6	139,455.7
November	67,627.6	57,393.1	10,234.5	125,020.6
Disember	68,297.9	60,050.2	8,247.6	128,348.1
<b>2015 (Jan-Dis)<sup>P</sup></b>	<b>779,946.6</b>	<b>685,390.7</b>	<b>94,555.9</b>	<b>1,465,337.3</b>
<b>2016<sup>P</sup></b>				
Januari	61,851.8	56,460.1	5,391.7	118,311.9
<b>Februari</b>	<b>56,719.7</b>	<b>49,368.1</b>	<b>7,351.6</b>	<b>106,087.9</b>
<b>2015 (Jan-Feb)<sup>P</sup></b>	<b>116,773.5</b>	<b>103,261.3</b>	<b>13,512.2</b>	<b>220,034.9</b>
<b>2016 (Jan-Feb)<sup>P</sup></b>	<b>118,571.5</b>	<b>105,828.2</b>	<b>12,743.3</b>	<b>224,399.7</b>

**JADUAL 2: BARANGAN UTAMA EKSPORT**

Barangan	Feb 2016 <sup>P</sup>	Jan 2016 <sup>P</sup>	Feb 2015 <sup>P</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>56,719.7</b>	<b>61,851.8</b>	<b>53,168.7</b>
Barangan Elektrik & Elektronik	20,076.3	22,350.5	18,438.8
Kimia & Bahan Kimia	4,298.2	4,347.4	3,848.4
Keluaran Petroleum	3,453.8	3,353.6	4,234.5
LNG	3,217.0	3,204.9	4,874.0
Jentera, Perkakasan & Peralatan	2,947.3	3,276.3	2,263.6
Minyak sawit dan keluaran berasaskan sawit (minyak sawit; minyak isirong sawit & keluaran berasaskan sawit lain)	2,927.2	3,450.7	2,745.8
Barangan Perkilangan Logam	2,723.7	2,519.8	1,879.1
Barangan Optik & Saintifik	2,084.4	2,428.7	1,774.2
Petroleum Mentah	1,572.8	1,679.4	1,830.4
Keluaran Getah	1,484.6	1,658.4	1,330.6

**JADUAL 3: PASARAN UTAMA EKSPORT**

Pasaran	Feb 2016 <sup>P</sup>	Jan 2016 <sup>P</sup>	Feb 2015 <sup>P</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>56,719.7</b>	<b>61,851.8</b>	<b>53,168.7</b>
Singapura	7,943.6	9,001.5	7,825.3
China	6,485.7	6,510.6	5,788.9
AS	5,929.4	6,334.4	4,899.1
Jepun	5,600.4	5,515.2	7,056.3
Thailand	3,280.8	4,046.0	3,037.6
Hong Kong	2,671.1	2,893.0	2,343.0
ROK	2,206.3	2,004.8	1,781.4
India	2,097.4	2,562.8	2,216.5
Australia	2,041.2	2,174.7	2,190.9
Indonesia	2,022.3	2,289.6	1,600.6

**JADUAL 4: BARANGAN UTAMA EKSPORT (JANUARI-FEBRUARI)**

Barangan	Jan-Feb 2016 <sup>P</sup>	Jan-Feb 2015 <sup>P</sup>
	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>118,571.5</b>	<b>116,773.5</b>
Barangan Elektrik & Elektronik	42,426.7	40,223.3
Kimia & Bahan Kimia	8,645.6	8,050.8
Keluaran Petroleum	6,807.4	8,207.0
LNG	6,421.9	11,057.5
Minyak sawit dan keluaran berasaskan sawit (minyak sawit; minyak isirong sawit & keluaran berasaskan sawit lain))	6,377.9	5,906.9
Jentera, Perkakasan & Peralatan	6,223.6	4,951.2
Barangan Perkilangan Logam	5,243.5	3,902.8
Barangan Optik & Saintifik	4,513.1	3,795.8
Petroleum Mentah	3,252.2	4,547.8
Keluaran Getah	3,143.0	2,817.2

**JADUAL 5: PASARAN UTAMA EKSPORT (JANUARI-FEBRUARI)**

Pasaran	Jan-Feb 2016 <sup>P</sup>	Jan-Feb 2015 <sup>P</sup>
	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>118,571.5</b>	<b>116,773.5</b>
Singapura	16,945.2	16,521.0
China	12,996.3	12,237.8
AS	12,263.8	10,771.5
Jepun	11,115.6	14,509.9
Thailand	7,326.8	6,854.7
Hong Kong	5,564.2	5,582.9
India	4,660.2	4,536.2
Indonesia	4,311.9	4,016.4
Australia	4,216.0	4,819.9
ROK	4,211.1	4,538.2

**JADUAL 6: BARANGAN UTAMA IMPORT**

Barangan	Feb 2016 <sup>P</sup>	Jan 2016 <sup>P</sup>	Feb 2015 <sup>P</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Import</b>	<b>49,368.1</b>	<b>56,460.1</b>	<b>48,613.6</b>
Barangan Elektrik & Elektronik	15,357.7	17,546.2	13,922.3
Kimia & Bahan Kimia	4,945.1	5,374.7	4,662.1
Jentera, Perkakasan & Peralatan	4,375.5	5,215.7	3,882.1
Keluaran Petroleum	3,339.7	3,971.6	5,756.6
Kelengkapan Pengangkutan	3,110.1	2,436.3	2,712.6
Barangan Perkilangan Logam	2,983.4	3,383.1	3,202.9
Barangan Optik & Saintifik	1,538.1	1,718.3	1,399.7
Barangan Besi & Keluli	1,370.4	1,719.8	1,584.4
Barangan Makanan Diproses	1,262.9	1,588.3	1,203.5
Tekstil, Pakaian & Kasut	1,167.9	1,616.8	684.0

**JADUAL 7: PASARAN UTAMA IMPORT**

Pasaran	Feb 2016 <sup>P</sup>	Jan 2016 <sup>P</sup>	Feb 2015 <sup>P</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Import</b>	<b>49,368.1</b>	<b>56,460.1</b>	<b>48,613.6</b>
China	8,867.2	11,688.8	8,734.4
Singapura	5,331.0	6,554.5	5,366.6
AS	4,733.4	4,455.6	3,556.0
Jepun	4,498.1	4,148.3	4,111.8
Thailand	3,199.3	3,429.2	2,744.0
Taiwan	2,456.9	3,033.1	2,766.9
Indonesia	2,249.4	2,355.9	2,140.5
ROK	2,214.3	2,847.6	2,001.9
Jerman	1,854.2	1,948.1	1,488.5
Viet Nam	1,168.4	1,509.2	1,132.1

**JADUAL 8: BARANGAN UTAMA IMPORT (JANUARI-FEBRUARI)**

Barangan	Jan-Feb 2016 <sup>p</sup>	Jan-Feb 2015 <sup>p</sup>
	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Import</b>	<b>105,828.2</b>	<b>103,261.3</b>
Barangan Elektrik & Elektronik	32,903.9	30,186.1
Kimia & Bahan Kimia	10,319.8	9,646.5
Jentera, Perkakasan & Peralatan	9,591.2	8,727.5
Keluaran Petroleum	7,311.3	9,396.6
Barangan Perkilangan Logam	6,366.4	7,887.6
Kelengkapan Pengangkutan	5,546.5	5,677.0
Barangan Optik & Sainifik	3,256.4	3,108.0
Barangan Besi & Keluli	3,090.2	3,656.4
Barangan Makanan Diproses	2,851.2	2,784.8
Tekstil, Pakaian & Kasut	2,784.7	1,607.3

**JADUAL 9: PASARAN UTAMA IMPORT (JANUARI-FEBRUARI)**

Pasaran	Jan-Feb 2016 <sup>p</sup>	Jan-Feb 2015 <sup>p</sup>
	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Import</b>	<b>105,828.2</b>	<b>103,261.3</b>
China	20,556.0	19,657.7
Singapura	11,885.6	11,215.8
AS	9,189.0	7,746.6
Jepun	8,646.4	8,418.0
Thailand	6,628.5	5,986.8
Taiwan	5,490.0	5,949.5
ROK	5,061.9	4,470.0
Indonesia	4,605.4	4,357.9
Jerman	3,802.2	3,329.0
India	2,678.6	2,396.9

Sumber : Jabatan Perangkaan, Malaysia  
 Jadual ini disediakan oleh MATRADE

Nota :  
 p – data provisional

**CARTA 1: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2009-2016**

